JAWATAN KOSONG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS adalah sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa individu yang berkelayakan dan memenuhi kriteria untuk memohon jawatan seperti butiran berikut:

MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	:	**Ketua Pustakawan**
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	:	Gred S14
Jadual Gaji Min - Maks	:	RM6,560.00 - RM15,360.00 (Penetapan mata gaji, honorarium dan elaun khas pentadbiran atau lain-lain jawatan/gred yang lebih tinggi adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) berdasarkan kesesuaian dan peraturan yang berkuat kuasa)
Taraf Jawatan	:	Tetap /Peminjaman /Perkhidmatan Kontrak
Tempoh Lantikan	:	1 hingga 3 tahun perkhidmatan bagi setiap lantikan tertakluk kepada pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
Taraf Pelantikan	:	Kenaikan Pangkat, Pertukaran Sementara, Pelantikan Pinjaman atau Pelantikan Kontrak

1. SYARAT KELAYAKAN

a) Warganegara Malaysia

b) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat)/ Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Perpustakaan/ Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tempatan atau

kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah adalah satu kelebihan.

c) Kepujian (sekurang-kurang Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

d) Mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perpustakaan sekurang-kurangnya 10 tahun. Keutamaan diberi kepada mereka yang pernah berkhidmat di Universiti.

e) Telah disahkan dalam perkhidmatan;

f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

g) Bebas dari hukuman tatatertib;

h) Bebas dari disenaraikan sebagai peminjam tegar; dan

i) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

2. BIDANG TUGAS

Melaksanakan tugas sebagai Ketua Pustakawan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan Statut UPSI.

3. KRITERIA UMUM

a) **Kecemerlangan Pengurusan dan Pengalaman Pentadbiran**

- **Berorientasikan Pencapaian** – Mempunyai komitmen yang tinggi ke arah peningkatan hasil kerja keseluruhan melalui kecekapan dalam mengurus dan mengelola sumber-sumber yang diperuntukkan dengan berkesan bagi mencapai matlamat dan objektif organisasi.

- **Pengurusan Kakitangan** - Berkebolehan menambah baik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang dan menyediakan hala tuju yang jelas untuk mencapai jangkaan.

- **Pengurusan Kewangan** – Mengurus sumber kewangan dengan telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optimum.

- **Pengurusan Perubahan dan Risiko** - Berusaha menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

b) **Pemikiran Strategik**

- Berkebolehan mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan. Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh. Berkemahiran dalam merancang dan membangunkan Pelan Strategik Organisasi serta mentafsirkannya sehingga ke peringkat pelaksanaan.

c) **Kepimpinan Berteraskan Nilai & Etika**

- Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan. Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi. Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

d) **Berkepakaran dalam membudayakan idea kreativiti dan inovasi dalam pentadbiran**

- Berkebolehan mencetus idea-idea baru dan meningkatkan usaha untuk mentransformasikan organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan berdasarkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

e) **Memiliki jaringan hubungan yang luas**

- Mengoptimumkan sumber-sumber organisasi untuk memenuhi perkongsian strategik dari segi maklumat, idea, pengetahuan dan kepakaran dengan pelbagai pihak untuk faedah dan kepentingan organisasi.

4. KRITERIA KHUSUS

a) Mempunyai perancangan yang jelas untuk universiti berdasarkan bidang kebitaraan

- Mempunyai hala tuju yang jelas dalam memimpin organisasi bagi menjayakan visi dan misi UPSI menjadi peneraju kebitaraan dan berupaya memajukan universiti sebagai sebuah institusi kecemerlangan pendidikan.

b) Penyandang mestilah berupaya mengamalkan, menghayati dan membudayakan enam (6) Nilai Bitara UPSI iaitu:

- Berintegriti
- Profesional
- Semangat Berpasukan
- Berorientasikan Pelanggan
- Prihatin Kebajikan Anggota
- Kreatif dan Inovatif

5. CARA MEMOHON

5.1 Calon yang berminat hendaklah memohon melalui permohonan atas talian dan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut proses seperti berikut:

a) Layari pautan berikut : https://ilead.upsi.edu.my/

b) Daftar sebagai pengguna akaun;

c) Lengkapkan maklumat yang diperlukan;

d) Klik *SUBMIT*;

e) Log in semula di pautan di atas;

f) Masukkan username dan password, Klik Login;

g) Isikan maklumat peribadi yang diperlukan dan sediakan lampiran untuk di muat naik *(upload attachment)* seperti berikut :

i. *Curriculum Vitae (CV)*
ii. Kertas ringkasan mengenai wawasan dan perancangan (KPI) jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Ketua Pustakawan UPSI
iii. Dokumen sokongan lain yang berkaitan.

5.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

En. Nazar Mohd Zahidi bin Mohd Azahar
Ketua
Bahagian Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris
No. Tel: 05-450 6565/ 6679 / 6930
E-mel: governan@upsi.edu.my

5.3 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk sesi temu bual. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/ temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh UPSI.

5.4 Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa bulan (6) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.

5.5 Tarikh tutup permohonan ialah pada **11 November 2026 (Rabu) jam 12.00 tengah hari.**